

"KITA bercakap tentang perpaduan tapi kita mempunyai dua hari raya. Apa yang pelik, ada orang tidak berhari raya pada hari Jumaat di Melaka dihukum, sebaliknya yang berhari raya Jumaat di Perak juga dihukum. Ikut salah, tak ikut salah, bodoh kita dibuatnya..." kata wakil dari Johor disambut dengan ketawa berdekah-dekah oleh kesemua yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO ke-33, termasuk para pemerhati di luar dewan.

"Kita tidak patut mengikat tangan kita sendiri dengan memasukkan dalam perlembagaan hanya mereka yang menjadi ahli di bahagian itu sahaja yang boleh jadi calon di kawasan pilihannya berkenaan.

Semasa PAS mengubah Datuk Asri bertanding di padang Terap, kita mesti meletakkan calon yang sesuai untuk menentang beliau. Kita akan susah jika perlembagaan hanya benarkan orang tempatan, sedangkan tidak ada orang tempatan yang mampu menandingi pihak lawan," kata wakil dari Kelantan disambut dengan tepukan tanda persetujuan.

"Semasa saya di Jepun baru-baru ini, suatu pagi saya terbangun dari tidur kerana bunyi bisik di luar bilik saya. Saya pun keluar dan melihat seorang suri rumah Jepun sibuk mengemas rumah di subuh hari lagi. Saya berkeja dalam hati, bagus isteri Jepun ni. Saya tidak pasti pula apakah ini juga termasuk dalam dasar pandang ke Timur..." cerita Tengku Ahmad Rihauddin disambut dengan ketawa besar dari perwakil.

"Saya harap saya akan segera sedar apabila saya tidak popular lagi nanti. Tetapi sementara saya masih menjadi pemimpin, berilah kepercayaan kepada kami, itu sahaja yang kami minta..." kata Datuk Sri Dr. Mahathir. Para perwakil kelihatan terharu.

Demikianlah Perhimpunan Agung UMNO - penuh dengan ketawa dan ketegasan, boan dan tepukan, pekitan dan kesungguhan.

Ianya boleh disimpulkan sebagai "tidak pernah tidak ketawa dan tidak pernah tidak serius."

Inilah cara UMNO. Tetapi ramai para perwakil bergetu yang Perhimpunan Agung kali ke-33 yang baru lalu ini agak berbeza dari perhimpunan sebelumnya walaupun secara kasarnya sama.

"Perbincangan kali ini adalah yang terbaik pernah saya lihat, di pihak yang bercakap mereka lebih bersedia dengan fakta-fakta, sementara yang mendengar pula mengikuti dengan teliti," kata Datuk Musa Hitam.

"Perhimpunan kali ini berjalan dengan lebih teratur dan ahli-ahli UMNO telah menunjukkan kemampuan yang tinggi dalam membahas satu-satu isu. Ini sangat baik," kata Tengku Razaleigh Hamzah.

Beliau berpendapat perubahan ini adalah hasil dari kematangan ahli-ahli UMNO yang semakin bertambah tahun demi tahun.

Sungguhpun terdapat satu dua yang melaut semasa bercakap, tetapi secara keseluruhannya, para perwakil yang mengemukakan hujah-hujah menyokong atau membangkang, begitu bersedia.

Kalau di masa-masa lalu, suara yang tinggi lebih dipentingkan dari sisi perbincangan, pada tahun ini didapati sebaliknya. Mereka lebih pentingkan apa yang dicakapkan dari nada suara yang tinggi.

Tidak suka tutup tapi terus terang

La juga merupakan satu perubahan dari kebiasaan orang Melayu yang tidak mahu melukakan hati orang dan tidak suka benda yang buruk.

Sementara yang mendengarnya pula mengikuti setiap patah perkataan yang dikeluarkan dengan teliti. Sebab itulah lahirnya reaksi spontan dari mereka seperti boan, pekitan, ketawa, tepukan dan sebagainya.

Perhimpunan kali ini juga berjalan dalam keadaan yang lebih berterus terang. Barangkali ini merupakan reaksi dari cara kepimpinan 2M yang tidak suka menutup kesalahan sendiri.

Sementara barisan Majlis Tertinggi UMNO menjawab ataupun membuat teguran terbuka, terutama ucapan dasar Presiden, para perwakil juga lebih berterus terang dalam menyatakan hujah-hujah mereka.

Ini adalah satu perubahan yang berlainan dari kebiasaan tabiat orang-orang Melayu yang tidak mahu melukakan hati orang ataupun tidak suka memperkatakan benda yang buruk.

Orang Melayu kini sedang mengalami satu zaman peralihan nilai-nilai dan adalah dijangka di perhimpunan di masa akan datang, perbincangan yang lebih terbuka akan dapat didengar.

Cara ini akan lebih membantu UMNO menghadapi sebarang masalah yang dihadapi dan ianya juga akan membantu kerajaan mencari jalan mengatasinya.

Hasilnya, lebih banyak perkara baik yang dapat dilakukan dengan lebih cepat, sementara lebih banyak masalah dapat dikesan dan diubah dengan segera.

Bagi yang baru mengikuti perhimpunan agung UMNO, mereka barangkali merasakan sesuatu tidak sihat terjadi, di mana para perwakil bukan setakat menghujah, tetapi juga mengemukakan pemimpin-pemimpin yang dipilih mereka bagi menentang parti, yang sekali gus pula para pemimpin kerajaan dan negara.

Jika dilihat pada Perhimpunan Agung UMNO, sememangnya inilah caranya, sejak zaman Tunku Abdul Rahman, membawa kepada zaman Allahyarham Tun Razak, zaman Tun Hussein Onn hinggalah ke zaman kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

"Tunku Abdul Rahman dulu pun teruk dihentam oleh para perwakil, demikian juga Presiden-Presiden berikutnya. Sungguh pun tabiat



SEORANG wakil dari Nilam Puri kelihatan sedang membacakan hujahnya di perhimpunan tersebut dengan begitu berungguh-sungguh sekali yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur baru-baru ini.

orang Melayu tidak suka mendedah sesuatu yang buruk, tetapi ahli-ahli UMNO akan bertindak membuktikan para pemimpin mereka. Inilah yang berlaku terhadap Allahyarham Datuk Onn," kata seorang perwakil di perhimpunan lalu.

Perhimpunan Agung UMNO merupakan forum tidak sekadar membicarakan dasar negara, tetapi juga tempat para ahli menilai pemimpin yang mereka pilih. Sebab itulah keluar pertanyaan mengenai majlis perkahwinan anak Presiden sendiri.

Juga keluar teguran terhadap Ketua Pemuda yang baru, Encik Anwar Ibrahim yang berbunyi, "diawan inilah di satu ketika dahulu kami menjeriti, tangkap Anwar Ibrahim dan di dewan yang sama juga kami memberi sokongan kepada saudara. Saudralah ahli UMNO yang naik ke atas secara paling cepat. Kini kami mengharapkan kerja baik dari saudara."

Ini bererti perhimpunan merupakan tempat penentuan bagi nasib seseorang ahli politik UMNO kerana di sinilah tempat mereka diadili. Segala prestasi mereka selepas meninggalkan dewan perhimpunan akan dipertika di sinilah akan dikemukakan di perhimpunan berikutnya.

Di sinilah letaknya kepentingan perhimpunan dalam menentukan siapa Perdana Menteri dan

siapa menteri-menteri, siapa yang mempunyai bintang cerah dan siapa yang tidak.

Selain dari Perhimpunan Agung UMNO juga adalah platform tempat membincangkan segala macam masalah negara dari persoalan wanita, parti, dasar luar, dasar dalam negeri, ekonomi, agama, sosial politik membawalah soal peribadi pemimpin.

Hasil dari perbincangan dan perbahasan itu akan lahirnya beberapa resolusi penting yang akhirnya menjadi dasar negara.

Ini menjadikan perhimpunan agung UMNO sentiasa mendapat perhatian oleh semua rakyat Malaysia dan juga masyarakat antarabangsa. Perhimpunan ini meletakkan orang-orang Melayu sebagai pihak penentu kepada corak politik Malaysia secara keseluruhannya. Politik orang Melayu menjadi teras politik Malaysia.

Kedudukan yang sebegini pentinglah menyebarkan, mahu tidak mahu ahli-ahli UMNO mesti membuatkan dewan perhimpunan dengan berbagai peredaran bagi membincangkan berbagai perkara dan masalah negara.

Salah satu perkara penting yang diputuskan oleh perhimpunan agung yang baru lalu ialah pengharangan semua bentuk perjudian di negara ini, termasuk menutup satu-satu-satu kasino di negara ini.

Walaupun keputusan itu memberi berbagai implikasi kepada negara, lebih-lebih lagi dengan adanya berbagai kaum lain, namun keputusan itu tetap akan dilaksanakan oleh kerajaan nanti.

Di sepanjang perhimpunan agung, berlakulah berbagai perbincangan dan perbahasan yang memberi satu imprints sedah-sedah terdapat kontroversi di antara barisan Majlis Kerja Tertinggi dengan perwakil.

Selah-olah berlaku ketidakpercayaan ahli terhadap pemimpin mereka. Apa lagi apabila usul yang dikemukakan oleh Majlis Tertinggi, meminda perlembagaan yang menghadkan orang yang menjadi ahli lima tahun ke atas baru boleh menjadi calon pilihanraya, telah ditolak mentah-mentah oleh perwakil.

Akan tetapi, jika ucapan dasar Presiden membangkitkan berbagai perdebatan, maka ucapan menggalang perbahasan oleh Presiden semua pakaian pewar yang menjerihkan semua susana, mengeringkan kembali hubungan serta penyatuan semula pemimpin dan ahli dalam suasana yang sayu.

Inilah peranan Presiden parti dalam Perhimpunan Agung. Ucapan menggalang sama pentingnya dengan ucapan dasar. Ucapan menggalang inilah yang akan membuatkan kesemua para perwakil dan pemerhati kembali ke tempat masing-masing dengan membawa misi yang jelas dalam mempertingkatkan parti di cawangan dan bahagian masing-masing.

Bahan asal dari Atklib Negara Malaysia



INILAH satu contoh demokrasi dalam Perhimpunan Agung UMNO walaupun hampir semua ahli Majlis Kerja Tertinggi menyokong usul meminda perlembagaan menghadkan orang yang menjadi ahli 5 tahun ke atas boleh jadi calon pilihanraya, tetapi ditolak mentah-mentah oleh perwakil.